



## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### PROGRAM KEMBARA KELUARGA SIMPAN SSPN BANTU 17,800 PELAJAR ASNAF

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), telah melaksanakan pelbagai program *outreach* bagi mendekati masyarakat. Selain itu, sebagai agensi yang sentiasa cakna dan prihatin untuk membantu masyarakat terutamanya golongan asnaf. PTPTN melaksanakan Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022. Ia merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bertujuan untuk membantu pelajar asnaf dari aspek pendidikan serta galakan awal memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak.
2. Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 telah dilancarkan sempena Program KPT Prihatin Keluarga Malaysia oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 8 September 2022 lalu. Program ini melibatkan sumbangan zakat PTPTN kepada 17,800 orang pelajar asnaf di 178 kawasan terpilih. Program yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pemimpin setempat ini melibatkan sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.78 juta.
3. Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 Peringkat Negeri Terengganu adalah melibatkan lapan (8) kawasan dengan jumlah sumbangan sebanyak RM80,000 dan setiap kawasan diperuntukkan sebanyak RM10,000. Seramai 800 orang pelajar asnaf menerima sumbangan akaun Simpan SSPN Prime bernilai RM100.00 seorang. Pada 20 Oktober 2022 dan 26 Oktober 2022, YBhg. Dr. Apli bin Yusoff, Penggerusi PTPTN telah menyempurnakan Program Kembara Keluarga Simpan SSPN yang melibatkan seramai 100 orang pelajar asnaf dari kawasan Kuala Nerus.

4. "Program murni seumpama ini akan dapat memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia dalam perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Inilah bukti usaha-usaha PTPTN yang sentiasa komited dan prihatin dalam membantu dan menyokong masyarakat memartabatkan pendidikan. Diharapkan Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 ini memberi sinar kepada anak-anak untuk terus mencipta kejayaan hebat dalam akademik dan sahsiah, sekali gus menjadi kebanggaan ibu dan ayah. Sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi utama negara dan agensi di bawah KPT, kami di PTPTN akan sentiasa memberi sokongan dan dorongan demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda," jelas Pengerusi PTPTN, Dr. Apli bin Yusoff.
5. Program Kembara Keluarga Simpan SSPN Tahun 2022 ini juga telah dilaksanakan di empat (4) negeri lain iaitu di Peringkat Negeri Sabah, Peringkat Negeri Melaka, Peringkat Negeri Johor dan Peringkat Negeri Pulau Pinang. Seterusnya KPT dan PTPTN akan berkembara ke negeri-negeri yang lain bagi melaksanakan program ini dan mendekati masyarakat setempat bagi membudayakan penabungan.
6. PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Simpan SSPN sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan untuk manfaat masyarakat Malaysia seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan dijamin kerajaan.